

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 26 Oktober 2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA MY LOCAL STATS 2020

Statistik My Local Stats pemangkin pertumbuhan sosioekonomi tempatan

PUTRAJAYA, 26 OKTOBER 2021 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan My Local Stats 2020 yang merupakan penerbitan siri keempat sejak 2017. Pada tahun ini, penerbitan My Local Stats dikeluarkan bagi kesemua 156 daerah pentadbiran. Selain daripada itu, ia turut menerbitkan satu penerbitan bagi keseluruhan negara, 13 penerbitan negeri dan tiga penerbitan Wilayah Persekutuan. Penerbitan ini menyediakan statistik yang diperlukan bagi perancangan pembangunan yang mampan. Ia mengintegrasikan statistik ekonomi dan sosial di peringkat daerah pentadbiran bagi siri masa 2018 hingga 2020.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Ketersediaan statistik di peringkat tempatan yang lebih terperinci memberi manfaat kepada kerajaan negeri dan daerah dalam menambahbaik dasar, tadbir urus dan keperluan sosioekonomi rakyat. Justeru itu, apabila berlaku ketidakseimbangan sosioekonomi di peringkat global, data yang tersedia sehingga peringkat daerah dapat menjadi input penting dalam penyediaan perancangan yang lebih bersasar berbanding ketersediaan data di peringkat negeri dan nasional sahaja.”

Penerbitan ini meliputi 12 bidang sosial dan lapan bidang ekonomi antaranya, Penduduk; Perumahan; Guna Tenaga; Pendapatan & Perbelanjaan; Pendidikan; Kesihatan;

Perkhidmatan Kebajikan; Keselamatan Awam; Perhubungan dan Rekreasi; Internet dan Media Sosial; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Indeks Harga Pengguna, Eksport & Import, Pertanian dan Pembuatan.

Berbanding penerbitan sebelum ini, My Local Stats 2020 memuatkan tambahan 24 jadual statistik baharu di peringkat nasional dan 15 di peringkat negeri dan daerah. Antara statistik baharu yang tersedia di **peringkat daerah** adalah program baik pulih rumah daif di bandar, trend harga penengah rumah mengikut jenis rumah, bilangan tempat ibadat mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), lima sebab utama kematian dan bilangan sekolah, guru dan murid di sekolah rendah dan menengah swasta.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Buat julung kalinya penerbitan ini turut memuatkan segmen pengukuran Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di peringkat negeri dan daerah. Indikator ini berperanan sebagai instrumen kepada pengukuran pencapaian terhadap aspek keterangkuman sosial yang lebih baik di bawah SDG selaras dengan prinsip "Tiada Sesiapa Yang Tertinggal (*Leaving No One Behind*)". Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan literasi SDG dalam masyarakat setempat.

Antara kandungan penemuan utama dari segi **demografi** mendapati daerah Petaling merekodkan jumlah penduduk tertinggi pada 2020 iaitu 2.16 juta, diikuti W.P. Kuala Lumpur (1.77 juta) dan Johor Bahru (1.56 juta). Penduduk Malaysia yang berumur 65 tahun dan ke atas meningkat kepada 7.0 peratus pada 2020. Perak merekodkan peratus penduduk tua tertinggi iaitu 11.0 peratus dengan Kampar mencatatkan peratusan tertinggi (12.9%), diikuti Kinta (12.3%) dan Larut & Matang (11.1%). Hasil dapatan ini menunjukkan negara berhadapan dengan cabaran menangani peningkatan peratusan penduduk tua menjelang tahun 2030. Berdasarkan kepada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), sebanyak 140 Pusat Warga Emas telah diwujudkan dan kerajaan merancang untuk memperluas usaha ini ke seluruh kawasan parlimen. Bagi memastikan keperluan golongan ini terpelihara, kerajaan akan memperbanyakkan sistem sokongan dan mewujudkan lebih banyak bandar mesra warga emas pada masa hadapan. Sistem Pendaftaran Warga Emas Nasional akan ditambah baik dan liputannya diperluaskan bagi menjaga kebajikan warga emas.

Ketua Perangkawan juga mengulas, “Sektor **kesihatan** terus diperkukuhkan bagi memastikan rakyat mendapat perlindungan kesihatan yang efektif. Pada 2019, terdapat 154 buah hospital kerajaan, 1,114 klinik kesihatan, 1,771 klinik desa dan 286 klinik komuniti yang menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada orang ramai. Statistik peringkat daerah menunjukkan daerah Kuching mempunyai klinik kesihatan kerajaan tertinggi iaitu 23 buah, diikuti Kinta dan Kota Bharu 20 buah setiap satu serta Johor Bahru dengan 17 buah. Sementara itu, bagi lima indikator sebab utama kematian tidak disahkan secara perubatan pada 2019, Kinta merekodkan kematian tertinggi dengan 1,300 kematian disebabkan penyakit kencing manis. Ini diikuti dengan Johor Bahru (1,055 kematian) disebabkan sakit tua (65 tahun dan ke atas) dan Petaling (1,026 kematian) disebabkan penyakit kencing manis. Sektor kesihatan terus menjadi keutamaan kerajaan bagi memastikan kesihatan rakyat terjaga terutama semasa krisis kesihatan seperti pandemik COVID-19.”

Pada 2020, bilangan kumulatif kes positif COVID-19 adalah 113,010 dengan Sabah mencatatkan bilangan tertinggi sebanyak 37,040 kes. Sementara itu, bagi kes kematian pula, sebanyak 471 kematian dicatatkan dan Sabah merekodkan bilangan kematian tertinggi sebanyak 265 kes. Sehingga 30 September 2021, 2,245,695 kes positif telah dicatatkan dengan bilangan kematian sebanyak 26,335 yang mana Selangor merekodkan bilangan kes positif tertinggi iaitu 677,664 kes dengan bilangan kematian 9,357 kes.

Penemuan dalam bidang **pendidikan** menunjukkan terdapat 10,220 sekolah pada 2020 iaitu 7,780 sekolah rendah dan 2,440 sekolah menengah. Daerah Johor Bahru mencatatkan jumlah guru paling ramai iaitu 10,052 orang (sekolah rendah) dan W.P. Kuala Lumpur (8,202 orang) bagi sekolah menengah. Manakala bilangan murid paling ramai adalah di daerah Petaling (153,313 orang) bagi sekolah rendah dan Johor Bahru (100,458 orang) bagi sekolah menengah. Bilangan penuntut institusi pengajian tinggi awam dan swasta pada 2020 menunjukkan penurunan masing-masing kepada 705.3 ribu orang (2019: 706.5 ribu) dan 537.3 ribu orang (2019: 633.3 ribu). Berdasarkan norma baharu, jumlah penuntut politeknik dan kolej komuniti bagi sesi Jun 2020 telah dikurangkan masing-masing kepada 75.0 peratus dan 50.0 peratus disebabkan sesetengah kursus tidak dapat ditawarkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Berdasarkan perspektif bidang **perkhidmatan kebajikan**, seramai 505,188 orang telah menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 2020 berbanding 507,041 pada 2019. Sabah mencatatkan bilangan penerima bantuan tertinggi iaitu 61,159 orang diikuti Sarawak (53,356 orang) dan Johor (50,398 orang).

Dari segi aspek **perhubungan dan rekreasi**, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Bilangan pelawat domestik menurun 44.9 peratus kepada 131.7 juta pada 2020 berbanding 239.1 juta pada 2019. Tiga negeri yang mencatatkan bilangan pelawat tertinggi 2020 adalah Selangor (19.7 juta), Perak (13.2 juta) dan W.P. Kuala Lumpur (12.4 juta). Penurunan pelawat domestik adalah berikutan arahan PKP yang tidak membenarkan perjalanan rentas sempadan negeri dan daerah bagi mengawal penularan pandemik COVID-19. Ketibaan pelancong antarabangsa ke Malaysia pada 2020 juga terkesan dengan penurunan 83.4 peratus daripada 26.1 juta (2019) kepada 4.3 juta (2020).”

Berdasarkan statistik **perumahan**, trend harga penengah rumah tertinggi bagi kondominium/ pangsapuri adalah Timur Laut, Pulau Pinang iaitu RM620 ribu, diikuti W.P. Kuala Lumpur (RM517 ribu) dan Barat Daya, Pulau Pinang (RM500 ribu). Bagi jenis rumah berkembar pula, W.P. Kuala Lumpur mencatatkan trend harga penengah rumah tertinggi iaitu RM2.0 juta, diikuti Petaling (RM1.6 juta) dan W.P. Putrajaya (RM1.3 juta). Harga penengah rumah teres tertinggi direkodkan di Timur Laut, Pulau Pinang (RM960 ribu), W.P. Putrajaya (RM855 ribu) dan W.P. Kuala Lumpur (RM750 ribu). Lipis merekodkan harga penengah rumah terendah bagi kondominium/ pangsapuri iaitu RM90 ribu manakala rumah berkembar adalah di Bentong, Pekan, Lipis dan Rompin masing-masing berharga RM150 ribu. Harga penengah terendah bagi rumah teres direkodkan di Tanah Merah (RM118 ribu).


Ketua Perangkawan menekankan, “Penerbitan ini adalah panduan yang amat penting kepada negara terutama dalam mengharungi cabaran pandemik COVID-19. My Local Stats dapat dijadikan rujukan dalam membuat perancangan di peringkat kerajaan tempatan dari segi penyediaan fasiliti awam, penambahbaikan perkhidmatan kebajikan dan meningkatkan tempat kediaman mampu milik. Statistik terperinci ini amat diperlukan dalam mengurus perdana sasaran sosioekonomi negara bagi pembangunan inklusif dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan menitikberatkan kesejahteraan rakyat.

My Local Stats 2020 boleh dimuat turun secara percuma di portal Jabatan Perangkaan Malaysia **www.dosm.gov.my**. Penerbitan ini juga boleh diakses melalui **mobile apps** dan **aplikasi web** mulai November 2021.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) masih dilaksanakan di seluruh Negara sehingga 31 Oktober 2021 secara bersemuka dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) akan dilaksanakan pada November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di **www.mycensus.gov.my** atau media sosial **@MyCensus2020** untuk maklumat lanjut.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara pada 20 Oktober setiap tahun. Pengisytiharan ini telah mengiktiraf sumbangan ahli statistik dan profesion statistik di negara ini. Hari Statistik Negara ini juga boleh diraikan oleh agensi yang mengeluarkan statistik dan pengguna statistik serta pelbagai lapisan komuniti yang terdiri daripada agensi kerajaan, penyelidik, universiti dan sekolah serta masyarakat umum. Tema sambutan MyStats Day tahun 2021 ialah "Connecting The World With Data We Can Trust".

Carta 1: Bilangan sekolah rendah mengikut daerah pentadbiran tertinggi, Malaysia, 2020




Nota: Merujuk kepada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan

Carta 2: Bilangan sekolah menengah mengikut daerah pentadbiran tertinggi, Malaysia, 2020




Nota: Merujuk kepada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan

Carta 3: Trend harga penengah rumah mengikut jenis rumah dan daerah pentadbiran tertinggi, Malaysia, 2020



Carta 4: Peratus penduduk 65 tahun dan ke atas mengikut daerah pentadbiran tertinggi, Malaysia, 2020



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA

26 OKTOBER 2021

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 26th October 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MY LOCAL STATS 2020

My Local Stats is a catalyst for local socioeconomic growth

PUTRAJAYA, 26th OCTOBER 2021 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) published My Local Stats 2020, the fourth series since 2017. This year, My Local Stats publication is released for all 156 administrative districts. Apart from that, it also publishes one publication for the whole country, 13 publications by states and three publications by Federal Territory. This publication provides the statistics needed for sustainable development planning. It integrates economic and social statistics at the administrative district level for the 2018 to 2020 time series.

Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The availability of more detailed statistics at the local level benefits state and district governments in improving policies, governance and people's socio-economic needs. Hence, when socioeconomic imbalances occur at the global level, data available up to the district level serves as a better input in the preparation of more targeted planning rather than the availability of data at the state and national levels only."

This publication comprises 12 social areas and eight economic areas including, Population; Housing; Labour Market; Income & Expenditure; Education; Health; Welfare Services; Public Safety; Communication and Recreation; Internet and Social Media;

Gross Domestic Product (GDP), Consumer Price Index, Exports & Imports, Agriculture and Manufacturing.

Compared to the previous publications, My Local Stats 2020 contains an additional 24 new statistical tables at the national level and 15 at the state and district levels. Among the new statistics which is available at the **district level** are poor housing repair programmes in cities, median house price trends by types of houses, the number of places of worship according to the Local Authority (LA), five leading causes of deaths and the number of schools, teachers and pupils in private primary and secondary schools.”

Commenting on the report, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “For the first time, this publication also includes the Sustainable Development Goals (SDG) segment at the state and district levels. This indicator serves as an instrument to measure the achievement of better aspects of social inclusion under the SDG in line with the principle of “Leaving No One Behind”. This initiative aims to increase SDG literacy in local communities.

Among the main findings in terms of **demography** found that Petaling district recorded the highest population in 2020 which is 2.16 million, followed by W.P. Kuala Lumpur (1.77 million) and Johor Bahru (1.56 million). Malaysia’s population aged 65 years and above increased to 7.0 per cent in 2020. Perak recorded the highest percentage of the older age population at 11.0 per cent with Kampar recording the highest percentage (12.9%), followed by Kinta (12.3%) and Larut & Matang (11.1%). The findings showed that the country will have to address the increasing percentage of older age people by 2030. According to Twelfth Malaysia Plan (Twelfth Plan), a total of 140 Senior Citizens Centres have been established and the government plans to expand this effort to all parliamentary constituencies. To ensure that the needs of this group are protected, the government will increase the support system and create more senior citizen-friendly cities in the future. The National Senior Citizen Registration System will be improved and its coverage expanded to safeguard the welfare of senior citizens.

The Chief Statistician also commented, “The **health** sector continues to be strengthened to ensure that the people have effective health protection. In 2019, there were 154 government hospitals, 1,114 health clinics, 1,771 rural clinics and 286 community clinics that serves the public in seeking health care. District level statistics showed that

Kuching district had the highest number of government health clinics at 23 units, followed by Kinta and Kota Bharu with 20 units each and Johor Bahru with 17 units. Meanwhile, for the five indicators of the main cause of unmedically confirmed deaths in 2019, Kinta recorded the highest death with 1,300 deaths due to diabetes. This was followed by Johor Bahru (1,055 deaths) due to illness aged (65 years and above) and Petaling (1,026 deaths) due to diabetes. Health continues to be a priority for the government to ensure the health of the people is taken care of, especially during health crisis such as the current COVID-19 pandemic.”

As of 2020, the cumulative number of positive cases COVID-19 were 113,010 with Sabah registered the highest number of 37,040 cases. Meanwhile, for deaths cases, 471 deaths were recorded and Sabah recorded the highest number of deaths at 265 cases. As at 30th September 2021, 2,245,695 positive cases have been recorded with a death toll of 26,335 which Selangor recorded the highest number of positive cases at 677,664 cases with a number of deaths of 9,357 cases.

*Findings in the **education** field showed that there were 10,220 schools in 2020 that is 7,780 primary schools and 2,440 secondary schools. Johor Bahru district recorded the most teachers with 10,052 persons (primary schools) and W.P. Kuala Lumpur (8,202 persons) for secondary schools. Meanwhile, the largest number of pupils were in Petaling district (153,313 persons) for primary schools and Johor Bahru (100,458 persons) for secondary schools. The number of students of public and private institutions of higher learning in 2020 showed a decline respectively to 705.3 thousand people (2019: 706.5 thousand) and 537.3 thousand people (2019: 633.3 thousand). Based on the new norm, the number of polytechnic and community college students for the June 2020 session has been reduced to 75.0 per cent and 50.0 per cent respectively as some courses could not be offered during the Movement Control Order (MCO).*

*Based on the perspective of **welfare services**, 505,188 persons had received assistance from the Department of Social Welfare in 2020 as compared to 507,041 in 2019. Sabah recorded the highest recipients at 61,159 persons, followed by Sarawak (53,356 persons) and Johor (50,398 persons).*

*In terms of **communication and recreation**, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The number of domestic visitors decreased by 44.9 per cent to 131.7 million in 2020 as compared to 239.1 million in 2019. The three states that recorded the highest number of domestic visitors in 2020 were Selangor (19.7 million), Perak (13.2 million) and W.P. Kuala Lumpur (12.4 million). The decline in domestic visitors was due to the implementation of the MCO that banned inter-state and inter-district travels in order to curb the spread of the COVID-19 pandemic. International tourist arrivals to Malaysia in 2020 are also impacted which declined 83.4 per cent from 26.1 million (2019) to 4.3 million (2020)."*

*Based on **housing** statistics, the highest median house price trend for condominiums/ apartments was Timur Laut, Pulau Pinang at RM620 thousand, followed by W.P. Kuala Lumpur (RM517 thousand) and Barat Daya, Pulau Pinang (RM500 thousand). As for the semi-detached houses, W.P. Kuala Lumpur recorded the highest median house price trend at RM2.0 million, followed by Petaling (RM1.6 million) and W.P. Putrajaya (RM1.3 million). The highest median price of terrace houses was recorded in the Timur Laut, Pulau Pinang (RM960 thousand), W.P. Putrajaya (RM855 thousand) and W.P. Kuala Lumpur (RM750 thousand). Lipis recorded the lowest median house price for condominiums/ apartments at RM90 thousand while semi-detached houses were Bentong, Pekan, Lipis and Rompin at RM150 thousand respectively. The lowest median price for a terrace house was recorded in Tanah Merah (RM118 thousand).*


The Chief Statistician stressed, "This publication is a very important guide to the country, especially in facing the challenges of the COVID-19 pandemic. My Local Stats can be used as a reference in planning at the local government level in terms of providing public facilities, improve welfare services and improve affordable housing. These detailed statistics are essential in mainstreaming the country's socio-economy target for inclusive development and ensuring sustainable economic growth by emphasizing the people's well being.

*My Local Stats 2020 can be downloaded for free on the Department of Statistics Malaysia portal **www.dosm.gov.my**. This publication will also be accessible through **mobile apps** and **web applications** starting November 2021.*

*The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing nationwide until 31st October 2021 through face-to-face method with the compliance of Standard Operating Procedure (SOP) implemented by Majlis Keselamatan Negara (MKN). The process of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) will be conducted subsequently in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at **www.mycensus.gov.my** or social media **@MyCensus2020** for more info.*


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day on October 20 every year. This declaration recognised the contributions of statisticians and the statistical profession in the country. National Statistics Day can also be celebrated by agencies that produce statistics and users of statistics as well as various levels of the community consisting of government agencies, researchers, universities and schools as well as the general public. The theme of MyStats Day in 2021 is "Connecting The World With Data We Can Trust".

Chart 1: Number of primary schools by highest administrative district, Malaysia, 2020



Note: Refer to government and government-aided schools

Chart 2: Number of secondary schools highest by administrative district, Malaysia, 2020



Note: Refer to government and government-aided schools

Chart 3: Median house price trend by housing type and the highest administrative district, Malaysia, 2020





Chart 4: Percentage population 65 years and above by the highest administrative district, Malaysia, 2020



Released by:

CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA OFFICE

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

26th OCTOBER 2021